

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), K.L.
Tarikh : 19-07-2005
Tajuk : UCAPAN PERASMIAN SERENTAK PERSIDANGAN PERWAKILAN
WANITA, PEMUDA DAN PUTERI UMNO 2005

"MENJANA MELAYU GLOKAL"

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz,
Ketua Pergerakan Wanita,

Yang Berhormat Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein,
Ketua Pergerakan Pemuda,

Yang Berbahagia Puan Noraini Ahmad,
Ketua Pergerakan Puteri,

Yang Berhormat Naib-naib Presiden UMNO,

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Agung UMNO,

Ahli-ahli Majlis Tertinggi,

Barisan Exco Wanita, Pemuda dan Puteri,

Saudara-saudari sidang perwakilan dan para pemerhati sekalian.

1. Alhamdulillah, kita merafakkan syukur setulusnya ke hadrat Allah S.W.T. yang telah mengizinkan kita berhimpun pada malam ini.

Perlis hingga ke Sabah,
Wanita, Puteri, Pemuda,
Dewan Merdeka bertuah,
Berhimpun pembela bangsa.

Wanita berhati mulia,
Puteri indah pekerti,
Pemuda tetap setia,
Semua pejuang sejati.

2. Kita ingin merakamkan ucapan tahniah kepada ketiga-tiga pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri di atas tanggungjawab melaksanakan mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian dengan sempurna.

3. Kita amat berbangga dengan Wanita yang terus bersemangat kental, gigih, sanggup berkorban meninggalkan keluarga dan anak-anak, terus bekerja untuk parti

tanpa mengira masa. Usaha pimpinan turun padang ke negeri-negeri dan Wanita bergerak di akar umbi, dari rumah ke rumah amat berkesan sekali.

4. Wanita juga terkenal dengan kehadiran yang ramai sebagai kourum utama ke mesyuarat-mesyuarat dan juga majlis-majlis anjuran parti. Kita juga mengalukan resolusi daripada Kongres Wanita Profesional Melayu yang berlangsung baru-baru ini. Resolusi yang mantap itu merangkumi soal pendidikan, sosial, ekonomi, politik dan pentadbiran. Ia selaras dengan ketetapan kerajaan, ke arah 30 peratus daripada proses pembuatan dasar diwakili wanita, dalam sektor awam dan swasta dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat.

5. Setinggi-tinggi syabas kepada Pemuda dengan idea hebat penubuhan Putera Pemuda UMNO. Majlis penuh bersejarah, yang telah menggegarkan Stadium Hang Tuah, bagai meledakkan semangat juang kita untuk terus memikul amanah. Putera Pemuda merupakan proses peremajaan parti yang penting selepas kewujudan Puteri. Proses rekayasa (reengineering) ini, kita laksanakan agar UMNO terus segar dan dinamik.

6. Sememangnya penglibatan Pemuda dalam gerakan AMAN Malaysia mencerminkan keprihatinan, terhadap isu semasa keamanan peringkat antarabangsa. Pada ketika yang sama, Pemuda tidak melupakan Program Masuk Kampung yang bersifat turun padang. Usaha Pemuda berbentuk global dan lokal ini, sesuai dengan peranannya sebagai generasi penggerak bangsa.

7. Demikian juga, kita turut gembira dengan Puteri yang ligat dengan pelbagai aktiviti. Puteri terserlah dengan program-program seperti Tunas Bestari, Mekar ICT dan Jom Baca dalam rangka membudayakan ilmu serta mendekati generasi muda. Puteri Prihatin dan Puteri Menyusur Akar pula, menjadi program mendekati masyarakat yang bersifat kebajikan. Semuanya ini menambah kepada pendekatan mesra rakyat yang kita janjikan sewaktu pilihan raya lalu.

8. UMNO adalah parti yang sentiasa sayang dan prihatin terhadap generasi muda. Itulah sebabnya pelbagai program diaturkan, pelbagai agenda digerakkan agar UMNO dekat di hati golongan muda. Justeru, kita gembira kerana rata-rata orang muda hari ini juga menyokong dan menjadikan UMNO pilihan mereka.

9. Keyakinan kita adalah bahawasanya generasi muda merupakan pewaris kepimpinan akan datang. Seperti kata Imam Al-Ghazali, baik dan berjaya generasi muda kini, maka baik dan berjaya jugalah masa depan kita nanti.

10. Sesungguhnya, peristiwa Tsunami yang melanda negara ini dan negara jiran telah mempamerkan betapa tingginya keprihatinan dan sucinya setiakawan kita, kepada mangsa yang ditimpa musibah dan kesusahan. Biarpun peristiwa negeri yang meragut ratusan ribu nyawa itu telah berlalu, namun jasa tulus dan gerak tangkas Wanita, Pemuda dan Puteri menghulurkan bantuan serta tenaga, akan kekal tercatat dalam ingatan mereka dan kita semua.

Saudara dan saudari,

11. Pada tahun 2004 yang lalu, dalam ucapan perasmian majlis yang sama di tempat yang sama, saya telah menggariskan lapan langkah perjalanan untuk menjadi bangsa yang terbilang iaitu mengukuhkan kepentingan ekonomi Melayu, mengamalkan nilai-nilai murni, mementingkan ilmu dan pendidikan, menguasai

bahasa asing, memilih pemimpin berasaskan merit, menjadi pengikut yang baik, membudayakan meritokrasi dan membina masyarakat Islam Hadhari.

12. Akhir-akhir ini, cabaran globalisasi semakin menerjah dan menghempas bagai ombak badai tanpa perikemanusiaan. Negara dan bangsa yang kaya terus menghimpit ekonomi dan politik dunia ketiga. Dunia tanpa sempadan dan kampung sejagat telah mendedahkan kita kepada seribu satu peluang dan juga cabaran. Liberalisasi perdagangan turut mencabar daya saing industri tempatan. Konsep langit terbuka dengan limpahan pelbagai teknologi, begitu rancak mempengaruhi kehidupan kita.

13. Dek hal yang tersebut, mustahak sekali kita sentiasa berhati-hati dan berwaspada. Ketahanan diri dan benteng bangsa mesti dikukuhkan dalam semua lapangan dan bidang. Usaha bersepadu menangani arus globalisasi perlu dirancang dan agenda bertindak hendaklah segera dilaksanakan. Inilah premis dan saripati yang menjadi ilham kepada ucapan saya pada malam ini, bertemakan Menjana Melayu Glokal.

14. Terlebih dahulu, izinkan saya mentakrifkan istilah glokal. Ia adalah gabungan antara dua perkataan iaitu global dan lokal. Global bermaksud, antarabangsa, internasional dan menjangkau seluruh dunia. Lokal adalah nasional, tempatan, dalam negara kita ini. Melayu Glokal yang kita impikan dan hasratkan ialah Melayu yang berakar nasional dan berakar internasional. Maksudnya, di samping kita hebat dalam negara, kita juga berperanan di arena antarabangsa. Akar kita berpaksi di kota dan desa namun akal kita menerjah ke serata dunia. Melayu Glokal bertunjangkan budaya Melayu dan ajaran agama Islam yang suci. Pada ketika yang sama, kita tetap berani meneroka dunia yang penuh pancaroba ini.

15. Apabila melihat pada negara yang sudah maju, kita dapati setiap daripadanya dikenali kerana jenama bangsa yang unik. Contohnya, bangsa Jerman terkenal dengan kejuruteraan halus dan pembikinan kereta mewah. Bangsa Jepun bangkit dari debu ledakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki berdasarkan semangat kerja mereka yang cukup tinggi. Jepun kini berjaya menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat.

16. Orang Peranchis pula terkenal dengan industri fesyen yang mengujakan dunia. Tidak kurang juga orang Gurkha yang terkenal dengan kesetiaan dan keberanian. Di banyak tempat, kalau hendak mengambil pengawal, Gurkhalah yang dicari. Istilah 'gurkha' tersohor sehinggalah dalam UMNO pun dipakai gelaran 'gurkha parti' yang mencerminkan ketaatan dan kesetiaan pengikut. Istilah lain yang seumpamanya ialah 'machai' dan 'balachi'. Namun, 'gurkha' ini tinggi sedikit makamnya.

17. Lantaran itu, kita perlu bertanya. Apakah kehebatan, keistimewaan, keunikan bangsa Melayu yang hendak kita jenamakan agar dikenali dunia? Bangsa Melayu memiliki sifat yang positif dan negatif, serupa juga dengan bangsa lain di dunia ini. Namun, dalam kealpaan Melayu ada hikmahnya, iaitu melupakan kisah pedih dan tragedi untuk meneruskan kehidupan. Dalam tolak ansur Melayu ada faedahnya, iaitu hidup harmoni dengan kaum lain demi kestabilan negara.

18. Dalam marahnya Melayu ada lembutnya, sedia dengan hati terbuka memaafkan kesalahan. Dalam kesabaran pula, penuh dengan keimanan. Dalam memegang kuat prinsip dan hukum, didasari dengan kesederhanaan. Dalam kelantangan kata, disulami kesantunan. Dalam membuat keputusan, penuh dengan hikmah dan

kebijaksanaan.

19. Himpunan sifat dan nilai mulia ini perlu dijadikan asas dan pasak jenama bangsa Melayu agar terkenal seantero dunia. Lantaran nilai mulia inilah, kita sebagai sebuah bangsa terus hidup, sejak bergemanya laungan keramat "Hidup Melayu". Hidupnya Melayu kini yang terpahat dalam ungkapan Hang Tuah "Takkan Melayu Hilang di Dunia" hendaklah dijadikan tapak survival untuk melangkah ke dimensi baru.

20. Dimensi baru kini menuntut kita melonjak ke hadapan dengan memperkukuhkan daya saing bangsa untuk berlumba menjadi antara yang terbaik di pentas dunia. Oleh itu, sudah tiba masanya kita berubah menjadi Melayu Global. Ini bukan lagi mustahil kerana Malaysia sekarang sudah pun mula diiktiraf sebagai negara Islam contoh. Kita sederhana lagi progresif dan harmoni dalam kemajmukan. Kita semakin bersinar dalam dunia yang serba mencabar. Kita inginkan Malaysia sebagai negara Islam contoh, menjadi jenama antarabangsa. Kejayaan inilah menjadi asas untuk menjana Melayu Global seterusnya.

Saudara dan saudari,

21. Sebagai persiapan menjana Melayu Global, saya utarakan lima tindakan untuk dilaksanakan oleh ahli-ahli parti.

Tindakan Pertama : Menjana Melayu Global Melalui Ilmu dan Pendidikan

22. Seperti yang kita semua maklum, YAB Presiden telah meletakkan usaha membina modal insan sebagai agenda teras kepada kejayaan bangsa dan negara. Pembinaan modal insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan.

23. Di peringkat ini, seperkara yang harus diingat ialah perjalanan membina modal insan bukanlah mudah. Tentunya ia menuntut ketabahan dan memakan masa yang panjang. Lagipun, Malaysia adalah negara sederhana secara komparatifnya berbanding dengan negara lain. Modal material kita juga terbatas.

24. Jadinya, gembenglah segala yang ada, berbekalkan modal insan, supaya mencapai tahap Melayu Global yang cemerlang dan bukan setakat menjadi bangsa picisan. (mediocre nation). Mahu tidak mahu, kita perlu melepasi halangan psikologi sederhana ini, kerana kita tetap sebahagian daripada yang besar iaitu bangsa Asia, Gugusan Kepulauan Melayu dan dunia Islam keseluruhannya.

25. Tokoh terbilang negara, Profesor Diraja Ungku Aziz menyatakan bahawa, tanpa ilmu tiada masa depan. Dari itu, pendidikan mestilah dijadikan misi utama dalam mencapai agenda Melayu. Pelajar di semua peringkat perlu dididik dengan sempurna. Tindakan untuk melahirkan warga pendidik yang berkualiti, komited dan berdedikasi hendaklah diteruskan, di samping tetap menjaga hal-ehwal kebajikan mereka.

26. Ini kerana, kita yakin dan percaya, pendidikanlah wadah pembinaan modal insan yang berkesan. Modal lain seperti modal wang, modal teknologi, modal bangunan tidak mungkin sempurna dan kamil jika tidak ditunjangi dengan modal insan.

27. Di atas segalanya, apa yang wajar diteliti dan diberi perhatian kini ialah konsep pendemokrasian pendidikan. Ia bererti peluang yang adil dan sama rata untuk

mendapatkan pendidikan berkualiti kepada semua. Di kota atau desa, dari Perlis hingga ke Sabah, di Putrajaya atau di mana jua, jurang perbezaan berkaitan kelengkapan sekolah seharusnya dirapatkan. Oleh itu, segala prasarana seperti bekalan elektrik dan air awam, makmal komputer, telefon serta jalan raya perlu terus disempurnakan.

28. Pendidikan juga menjadi wahana terpenting kepada mobiliti sosial. Maksud mobiliti sosial ialah pergerakan masyarakat yang diperlambangkan oleh:

Anak penoreh getah boleh menjadi profesor
Anak petani boleh menjadi pegawai tinggi
Anak peneroka boleh menjadi jurutera
Anak nelayan boleh menjadi akauntan

29. Pendidikan sebenarnya mampu menjadi pengimbangtara strata sosial yang paling berkesan. Dalam kata lain, dengan berbekalkan ilmu dan pengetahuan, anak orang miskin akhirnya mampu mengubah nasib keluarga. Hasilnya, mereka dapat setanding dan bersama dengan anak orang berada bekerja di bawah satu bumbung dalam jabatan atau syarikat yang sama.

30. Ini bukanlah sesuatu yang impian dan retorika. Telah banyak contoh yang dapat kita persaksikan, antaranya kini dua anak penoreh getah telah berjaya menjawat jawatan Naib Canselor di Universiti Awam. Realiti kejayaan pendidikan secara mobiliti menegak ini nyatanya hanya kita kecapai di Malaysia. Tidak lain dan tidak bukan, semuanya adalah hasil usaha perjuangan suci UMNO selama ini.

Saudara dan saudari sidang perwakilan,

31. Dasar pendidikan yang terancang juga membentuk insan yang sempurna dan seimbang. Ibaratnya, jika laut yang luas itu pasaran kerja yang serba mencabar, sementara sistem prasekolah pula umpama mata air yang jernih di hulu sungai, maka eloklah perjalanan air dalam sungai berliku itu jernih hingga ke muara.

32. Soalnya di sini ialah, perhatian khusus wajar diberikan kepada pendidikan prasekolah. Natiujahnya nanti, kalaulah titik permulaan pendidikan ini tidak diberi penekanan, lambakan ketempangan atau himpunan kekurangan pelajar Melayu akan terakru di situ.

33. Hasrat kita, bermula dari sistem prasekolah hingga ke pengajian tinggi, biarlah serba molek dan serba teratur. Barulah sistem sekolah kebangsaan yang kita ingin perkasakan, hinggalah ke menara gading, dapat menuju arus kejernihan membina modal insan. Melayu Glokal yang ingin kita lahirkan pula wajar mengamalkan pendidikan sepanjang hayat, menguasai lebih daripada satu bahasa dan berbudaya ilmu yang tinggi.

34. Nampaknya kini, dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan, kekuatan sesebuah negara semakin bergantung kepada keupayaan penduduknya untuk menjana dana intelektual. Jika dahulu sebelum merdeka, cukup dengan pendidikan kelas dewasa untuk membasmi buta huruf. Selepas daripada itu, tahap kelulusan rata-ratanya meningkat kepada ijazah pertama. Namun kini, untuk lebih berjaya dan kompetitif, menuntut pula kepada tahap kelulusan yang lebih tinggi daripada ijazah sarjana muda.

35. Kita hendaklah melangkah lebih jauh ke peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran, dalam usaha membudayakan tradisi penyelidikan di bidang sains dan teknologi. Ini merangkumi pelbagai bidang seperti penemuan baru, hasil kreativiti penciptaan serta penambahbaikan proses pembuatan dan pengurusan.

36. Kita mesti berubah menjadi bangsa kreatif, bangsa pencipta dan bangsa pencetus inovasi. Tidak ada negara maju yang ketinggalan dari segi kemampuan untuk berinovasi. Dalam hal ini, kita masih terkebelakang. Sebagai contohnya, Malaysia membelanjakan hanya 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Berbanding negara maju seperti Korea 2.5 peratus, Amerika Syarikat 2.7 peratus dan Jepun 3.1 peratus daripada dana KDNK yang berlipat kali ganda dibanding Malaysia.

37. Jumlah paten atau hakcipta yang didaftarkan di Malaysia juga masih rendah sebagai tanda kurangnya bilangan penyelidik untuk menjana khazanah negara dan memelihara harta intelek. Justeru, kehebatan daya kreativiti dan inovasi perlu disemai kepada anak bangsa melalui pendidikan, agar negara terus kompetitif di persada dunia yang penuh cabaran.

38. Barulah nantinya kita boleh melahirkan masyarakat penyumbang teknologi dan bukan hanya menjadi pengguna teknologi dalam konteks harta intelek sejagat. Inilah akhirnya akan memberikan kesan langsung kepada daya saing negara dan pada analisis terakhir, menjadi antara faktor penentu sama ada kita berjaya mencapai status negara maju.

Saudara dan saudari,

Tindakan Kedua: Menjana Ekonomi Untuk Pembangunan Melayu Global

39. Jika diamati, statistik menunjukkan bangsa Melayu masih tertinggal dalam beberapa agenda penting seperti pembangunan, pendidikan dan perniagaan. Usaha terancang telah dibuat sejak kewujudan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 selama 35 tahun. Oleh itu, UMNO akan terus berperanan sebagai perencana, penggerak, pelaksana dan pengawas untuk kita menjuarai segala dasar dan usaha sepadu bagi menjana ekonomi, demi memperkasa agenda Melayu.

40. Memang benar, salah satu masalah besar untuk membangunkan usahawan Bumiputera sejak tahun 1970-an lagi berkait dengan hal sikap. Kita menghadapi masalah sikap mahu cepat kaya, tetapi tidak mahu berusaha. Peluang yang diberikan kerajaan dijual dengan begitu mudah dan murah, untuk mendapat hasil yang cepat walaupun sedikit. Istilah biasa sikap ini dipanggil Ali – Baba. Mereka yang memajak lesen perikanan laut kepada orang Thailand boleh digelar Ali-Siam. Istilah ilmu ekonomi dipanggil 'rentier class'. Saya menggunakan istilah ekonomi supaya tiada yang berkecil hati. Istilah mudah yang ramai orang faham ialah broker. Hentikanlah sikap ini. Kendatipun begitu, tiada salahnya jika usahasama tulen dijalankan tetapi janganlah sampai segala kepentingan digadaikan.

41. Penanda aras kepada dasar ekonomi yang dirancang seharusnya berupa pembinaan kekayaan bagi rakyat teramai dan kejayaan di kalangan kumpulan Melayu yang layak. Perhatian penting mestilah juga diberikan kepada jurang pendapatan antara kaum dan antara wilayah. Sehubungan dengan itu, kita mesti menolong mereka yang layak, mempunyai kesungguhan dan potensi, usahawan yang mempunyai "know-how" – tahu bagaimana bukan sekadar "know-who" – tahu

siapa, sahaja.

42. Lantas, kita perlu mengenal pasti usahawan bumiputera tulen, yang berkembang dengan kemampuan dan melalui proses keusahawanan. Mereka inilah yang patut ditolong. Ertinya, jika seseorang usahawan itu telah berusaha dengan gigih, mengumpul pengalaman sehingga berjaya menjana jualan pusingan sebanyak seratus ribu ringgit, dia wajar dibimbing mengembangkan perniagaannya menjadi satu juta pula. Jika sungguh berdaya maju dan berdaya saing, maka satu juta itu sebolehnya dibina kepada sepuluh juta atau seratus juta ringgit dan begitulah seterusnya sehingga berjaya menjadi usahawan kawakan, usahawan global, yang hebat dalam negara dan bertaraf antarabangsa.

43. Namun, barang harus diingat, kita tidak mahu usahawan Melayu ini, mereka yang bersifat seperti ayam. Bertelurnya sebiji sahaja, tetapi riuhnya habis sekampung. Secara berseloroh atau kebetulan, ayam tidak pernah diambil serius oleh orang Melayu walaupun ia adalah makanan yang digemari. Maka timbullah peribahasa yang membawa makna negatif seperti ajak-ajak ayam, hangat-hangat tahi ayam, rabun ayam, tidur-tidur ayam, ibu ayam dan bapa ayam. Cuma, kuih cakar ayam dan nasi ayam sahaja yang enak dimakan.

44. Dari itu, beresmilah seperti penyu, bertelur beratus biji, senyap sahaja malah tabah dan berani menempuh gelora. Tahan hidup lebih seratus tahun lamanya. Namun begitu, penyu yang dipersonakan ini, janganlah pula dilihat dari sudut terlalu lambat, mestilah ada dinamisme dan kepantasan. Lihatlah juga cerdiknyanya sang kancil dalam cerita rakyat, kijang mas lambang kewangan dan sang harimau pada jata negara.

45. Untuk itu, orang Melayu akan terus dilatih dalam bidang perniagaan. Kita ingin bangunkan kemahiran dan semangat keusahawanan serta jaringan pasaran yang meluas. Pendidikan ilmu perniagaan hendaklah dikembangkan lagi kurikulumnya, agar budaya niaga tumbuh seawal peringkat sekolah lagi. Yang mustahaknya di sini, matlamat perjuangan UMNO adalah untuk menambah bilangan usahawan Bumiputera tulen yang berjaya dan berdaya saing.

Saudara dan saudari,

46. Hakikatnya, bangsa kita telah ketinggalan masa dan peluang sejak zaman penjajahan. Sedangkan untuk berjaya masa adalah wang, kepantasan adalah keuntungan. Malah tokoh terkemuka Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), Bill Gates juga mengutarakan, seharusnya perniagaan bergerak secepat fikiran. Lantaran yang demikian, janganlah kita leka dengan pemikiran bahawa kita sudah mencapai yang terbaik kerana banyak lagi ruang untuk disempurnakan. Jiwa kerdil dan buat kerja lambat sekadar jadi mesti diubah kepada jiwa besar dan cekap dengan tahap kompetensi yang tinggi.

47. Di persimpangan ini, kini sudah sampai masanya kita mengkaji semula institusi dan mekanisme yang telah diwujudkan suatu ketika dahulu. Mekanisme yang lemah diperkuatkan, yang kurang dilengkapkan, yang berkesan ditingkatkan demi mencapai lonjakan berganda ekonomi Bumiputera. Kekuatan ekonomi orang Melayu di bandar dan luar bandar juga perlu dipantau secara holistik dan bukan semata-mata dari segi pegangan ekuiti. Kita harus mengambil kira pencapaian dari segi pendapatan isi rumah, penguasaan syarikat, pegangan hartanah, penglibatan dalam sektor strategik seperti ICT dan bioteknologi.

48. Data tahun 2004 menunjukkan hanya 19.6 peratus syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan 21.5 peratus syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, milik Bumiputera. Bagi pemilikan premis perniagaan di bandar-bandar utama seluruh negara, Bumiputera hanya memiliki 11.6 peratus sahaja. Lantaran itu, usaha bersepadu pelbagai agensi kerajaan pusat dan negeri akan dimantapkan bagi menjayakan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

49. Di sinilah, kita semahunya melihat pihak swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) meningkatkan peranan mereka membantu kita khasnya dalam penyusunan semula guna tenaga dan menyediakan peluang untuk Bumiputera.

50. Kita amat berharap agar ketua-ketua pegawai eksekutif GLCs betul-betul serius dan benar-benar komited dalam menjayakan agenda Melayu. Sektor swasta yang telah mendapat banyak manfaat dengan keuntungan yang hebat, hendaklah juga memberi peluang dan bimbingan kepada usahawan Melayu. Kita tidak mahu sesiapa pun memandang rendah kepada kebolehan apatah lagi memperlekehkan keupayaan usahawan Melayu yang tulen dengan sengaja mencipta pelbagai alasan.

51. Seterusnya, UMNO akan sentiasa membela bangsa Melayu di kota dan di desa. Kemudahan asas di luar bandar wajar terus dilengkapkan. Jurang pembangunan akan didekatkan dengan menambah lebih banyak pusat pertumbuhan baru di pekan kecil yang menjadi tumpuan penduduk Melayu. Kawasan permatang, parit, kampung, lubok, sungai, akan dibangunkan seiring dengan kemajuan taman, pekan, jalan dan precinct.

Sidang perwakilan; untuk menjana ekonomi bangsa, sayugia saranan-saranan berikut boleh diambil tindakan:

52. Aspirasi melahirkan sekurang-kurangnya seorang profesional atau seorang usahawan dalam setiap keluarga Melayu. UMNO perlu menjadi saf hadapan dan menjadi pemangkin kepada usaha ini. Kempen kesedaran dan motivasi dengan pelbagai bentuk dan bantuan media massa wajar diadakan agar ia menjadi satu gerakan nasional. Dengan itu, pelbagai program di bawah kementerian berwajib dan agensi hendaklah digubal pada peringkat nasional, negeri, daerah, mukim dan kampung.

53. Keduanya, merancakkan kembali usaha satu daerah satu industri serta satu kampung satu produk. Ini melibatkan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam pelbagai lapangan pertanian, perkhidmatan dan pembuatan. Contoh usaha yang boleh mendatangkan hasil, bermula daripada sekecil-kecilnya seperti membiak benih ikan dan menanam pelbagai spesis herba sehinggalah kepada perusahaan lebih rumit dan besar, melibatkan bioteknologi atau bidang pembuatan.

54. Seandainya UMNO berperanan penuh sebagai nadi penggerak kepada usaha mulia ini, bayangkanlah betapa besar potensi industri yang boleh kita hidupkan daripada ribuan pimpinan cawangan dan bahagian UMNO di seluruh pelosok negara.

55. Ketiga pula, memastikan terlaksananya pelbagai program membasmi kemiskinan. Sehubungan dengan masalah ini, marilah kita merenung kembali kata-kata hikmat Pendeta Za'ba yang menyebut pada tahun 1923:

“Adapun kemiskinan orang Melayu bukan hanya miskin pada wang ringgit dan harta

benda tapi lebih dahsyat dari itu; miskin pada hemah dan cita-cita, miskin pada pelajaran, miskin pada alat-alat kelengkapan otak, miskin perangai yang tinggi dan miskin syarat-syarat untuk menjadi maju”.

56. Oleh kerana itulah, setiap cawangan UMNO perlu menjadi pengantara dan pemudahcara kepada khidmat bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi membela nasib rakyat termiskin. Orang Melayu perlu dibangunkan dari lena agar bangkit mengubah sikap bagi mengeluarkan diri daripada terus dikongkong kemiskinan harta dan jiwa seperti ingatan Za’ba. Sesungguhnya, komitmen kita ialah untuk menghapuskan terutamanya kemiskinan tegar menjelang tahun 2009 dan kekurangan lainnya diatasi melalui agenda pendidikan negara.

57. Di sudut yang lain pula, kita mahu memaktubkan suara politik Melayu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Untuk RMK-9, kita akan memperkemas strategi pelaksanaan agenda Melayu dengan mengkaji semula keberkesanan strategi dan instrumen yang lepas. Begitu juga, kita wajar bertindak membanteras sikap negatif usahawan Bumiputera bagi membina usahawan yang tulen dan berdaya tahan. Malah kebocoran bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada Bumiputera perlulah dibuat pembaikan.

58. Di samping itu, pelbagai usaha hendaklah dipergiatkan bagi mencapai Wawasan 2020 yang merupakan visi utama negara. Kita berhasrat ingin menjadi negara maju sepenuhnya dalam semua segi. Kemajuan ini adalah mengikut wadah kita sendiri. Kita mahu membina Bangsa Malaysia di mana bangsa Melayu yang global menjadi terasnya. Bangsa Malaysia pada ketika itu seharusnya sudah berupaya duduk tidak serendah, malah diharapkan gagah berdiri, lebih tinggi daripada bangsa lain yang sudah maju.

59. Sungguhpun begitu, sebelum kita mengimpikan kejayaan besar Wawasan 2020, sikap kita yang tercerna seperti:

Ada padi kerja jadi,
Ada beras kerja deras,
Ada fulus semua lulus,

Mestilah diubah kepada:

Tiada padi tanam sendiri,
Tiada beras sumbangan ikhlas,
Tanpa fulus tetap diurus.

Pimpinan Wanita, Pemuda, Puteri dan sidang perwakilan sekalian,

Tindakan Ketiga: Melayu Global Berpaksikan Penghayatan Agama

60. Secara sedar ataupun tidak, terdapat dua kumpulan melampau dari segi amalan di kalangan kita. Kumpulan pertama, yang tidak kisah dengan kehidupan beragama, lantas hidup berfoya-foya, tanpa batasan dan tidak menghiraukan halal atau haram.

61. Sekumpulan lagi ialah mereka yang telah menyempitkan kefahaman akhirat, lantas hidup menyisih serta tidak menghiraukan dunia. Walhal sesiapa yang mementingkan akhirat, sepatutnya lebih kuat bekerja kerana kita perlukan kedua-duanya. Tambahan pula, konsep ibadah itu luas dan mencakupi sebarang pekerjaan

yang baik, selagi mana tidak bersalahan dengan hukum agama. Pengertian ibadah seharusnya diperkuatkan dengan prinsip berani hidup dan bukan berani mati yang sia-sia. Bila sudah mati, maka perjuangan ikut berakhir, tetapi selagi hidup, perjuangan dapat diteruskan.

62. Bertolak dari hal itu, pengertian Islam yang meluas boleh difahami melalui Pendekatan Islam Hadhari. Pendekatan ini hendaklah menjadi nadi dan penggerak, kepada penjana Melayu Global yang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Seraya menyentuh tentang agama yang sesuai untuk semua batas masa dan keadaan, saya suka membicarakan betapa syumulnya Islam sehinggalah berkaitan aspek perundangan.

63. Sebuah hadis sahih riwayat Muslim bermaksud:

'Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu'.

Hadis ini bersabit dengan kaedah ijtihad sebagai satu instrumen hukum yang dinamik. Ijtihad dirumuskan sebagai satu usaha bersungguh-sungguh menggunakan akal pemikiran untuk mencari hukum. Ia diistinbatkan kepada dalil-dalil syarak secara terperinci dan hendaklah dilaksanakan oleh ahlinya.

64. Yang indah di sini, ketajaman minda dan pengalaman kehidupan manusia sebagai makhluk Allah turut diberi tempat yang tinggi, dalam menentukan perjalanan dunia yang terus berubah dan terkini, selain daripada al-Quran dan Sunnah.

65. Seperti yang disabdakan dalam hadis tersebut, pelbagai urusan dunia yang terkini menuntut kepada penyelesaian yang juga bersifat kontemporari. Instrumen ijtihad menjadi kaedah hukum yang amat praktikal, dan telah memberi sumbangan yang besar dalam sejarah perkembangan dunia Islam.

66. Para sahabat seperti Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar berjihad dalam peristiwa-peristiwa seperti membenarkan pengumpulan al-Quran dan bertindak ke atas golongan yang engkar menunaikan zakat. Imam Shafei dan Imam Hanafi juga mengaplikasikan ijtihad, supaya dapat memberi tafsiran yang lebih jelas serta mendalam berhubung hukum hakam agama.

67. Nyatanya, berbekalkan Semangat Ijtihadiah inilah golongan sahabat, tabi'in, imam-imam mazhab serta ulama muktabar telah berjaya mempertahankan Islam agar terus relevan sepanjang masa. Maka, mewarisi semangat dan kekuatan ini jugalah, pendekatan Islam Hadhari dirintis bersesuaian dengan penggalakkan kaedah ijtihad, agar umat Islam terus berkembang dan mampu menghadapi semua keadaan dan cabaran semasa. Inilah sifir dan sandaran dalam menghayati agama Islam yang mendasari bangsa kita.

68. Sebab itulah, kita menolak pandangan PAS yang hentam kromo dalam menidakkan pendekatan Islam Hadhari. Jelasnya, walaupun tujuan kerajaan baik dan murni tetapi kerana politik, parti lawan itu tidak dapat menerima kebaikan yang hendak kita bawa bagi kemajuan rakyat dan negara. Inilah masalahnya dengan parti pembangkang di Malaysia.

69. Pemuda PAS kini juga sudah mula menegur dan meragui sebahagian pimpinan yang mereka sendiri telah takrifkan sebagai ulama. Waima, ketiga-tiga Naib Presiden

yang dipilih dan Setiausaha Agung yang baru dilantik juga, bukan daripada golongan ulama. Terbukti PAS adalah parti yang tidak konsisten berbanding UMNO yang sejak dulu, kini dan selamanya tetap kekal dengan cara kita atau bak kata orang Sabah, 'tatap' dan 'tidak guyang' sebagai pejuang agama, bangsa dan negara.

70. Sesungguhnya, kejayaan yang diperjuangkan oleh UMNO bukanlah semata-mata kejayaan berbentuk fizikal tetapi yang lebih jauh adalah kejayaan spiritual dan kesucian nurani. Inilah kejayaan yang disebut sebagai Al-Falah menurut ajaran Islam. Kita berhasrat, bertekad, memohon doa dan hajat agar dikurniakan kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Saudara dan saudari sekalian,

Tindakan Keempat : Memperkuatkan Jati Diri Melayu Glokal Melalui Transformasi Budaya

71. Transformasi bermaksud perubahan yang berupaya menukar sesuatu. Budaya adalah gabungan dua unsur iaitu budi dan daya. Mereka yang berbudaya memiliki akal budi tinggi dengan daya usaha untuk menjadi orang yang berguna. Budaya juga membawa maksud cara hidup yang diamalkan setiap hari. Pendek kata, transformasi budaya berkisar pada perubahan cara hidup orang Melayu.

72. Sejak dulu, orang Melayu amat tinggi budayanya, sebagaimana terpancar dalam seloka ini:

Apa bukti Melayu jati?

Hidup muafakat berhemah tinggi,
Akhlak mulia pakaian diri.

Apa bukti Melayu beradat?
Pantang pasukan tidak sepakat,
Pantang urusan tidak seniat.

Apa bukti Melayu berbudi?
Jasa pemimpin dikenangi,
Nikmat Allah disyukuri.

Apa bukti Melayu bertuah?
Hidup tidak melanggar sumpah,
Mati tidak melanggar sunnah.

Apa bukti Melayu Glokal?
Bermartabat kita di persada global,
Bermaruah kita di arena lokal.

Apa bukti Melayu terbilang?
Seluruh dunia nama dijulang,
Sepanjang zaman jasa dikenang.

Saudara dan saudari,

73. Dari sudut psikologi dan kehidupan, kita dapati bahawa perubahan sikap

seseorang seringkali berpunca daripada maklumat yang diperolehi, ilmu yang didapati dan diimbangi oleh nilai yang dipegang. Perubahan sikap juga memerlukan suatu bentuk kuasa minda yang tinggi. Orang yang mementingkan kesihatan umpamanya, berupaya menahan diri dengan tidak mengambil gula dan garam disebabkan mindanya berjaya menganggap bahan-bahan itu ibarat racun jika diambil berlebihan.

74. Sementelahan pula halnya dengan dadah, bukan sekadar racun malah ia adalah najis dan haram di sisi agama Islam. Kerana itulah, seseorang mungkin menagih dadah kerana barangkali tidak mendapat cukup maklumat tentang bahayanya, ilmu mungkin tidak setinggi mana serta tiada pula nilai murni yang menjadi pegangan.

75. Tambahan lagi, isu pesakit HIV/AIDS semakin meruncing dan amatlah menyedihkan kerana majoriti penagih dadah adalah orang Melayu. Untuk menangani isu nasional ini, saya menggesa Wanita, Pemuda dan Puteri, ayuhlah kita bersama memerangi dadah durjana hingga ke akar umbinya.

76. Dalam contoh perubahan sikap yang lain pula, petani dahulu mempunyai konsep 3T iaitu Tanam, Tinggal dan Tuai. Dengan maklumat dan ilmu pertanian moden, perkara mudah seumpama ini tidak lagi wajar diamalkan seandainya petani ingin meningkatkan produktiviti. Dengan maklumat, ilmu dan nilai baru, 3T wajar diubah kepada satu bentuk usaha tanaman yang terancang, dengan teknologi terkini, untuk mendapat hasil tuaian yang terbaik. Barulah berjaya konsep yang YAB Presiden pernah anjurkan, iaitu konsep K ke K, Kebun ke Kilang atau P ke P iaitu Petani ke Pengusaha.

77. Daripada apa yang saya singkapkan tadi, ternyata proses merubah sikap dan nilai bangsa adalah satu kerja besar yang tidak dapat tidak, mesti diteruskan. Apa yang pasti, kerja besar ini menuntut kepada satu transformasi budaya dalam bentuk anjakan paradigma bangsa Melayu.

78. Sekadar misalan, pernah ada orang di luar negara yang tidak tahu tentang Malaysia beranggapan bahawa di negara ini, masih ada orang tinggal di atas pokok. Namun, selepas orang asing ini melihat Putrajaya, bandar pentadbiran yang indah dan tersusun, menziarahi Kuala Lumpur dengan KLCC sebagai menara kembar tertinggi di dunia, paradigma orang tadi telah teranjak. Pandangannya terhadap Malaysia sudah berubah.

79. Seperti itulah, anjakan paradigma bangsa Melayu yang sedang berlaku, dapat dimengertikan daripada contoh berikut:

- Paradigma Melayu kurang berusaha dianjurkan kepada Melayu bekerja keras, seperti kejayaan peneroka FELDA secara keseluruhan mengusahakan tanah membina ladang terbesar di dunia.
- Paradigma Melayu yang sederhana pencapaian dianjurkan kepada Melayu cemerlang seperti contoh kejayaan Nur Amalina seorang puteri yang memperolehi 17A1 dalam SPM.
- Paradigma Melayu kurang berani dianjurkan kepada Melayu berani seperti kejayaan Dato' Azhar Mansor dan Dato' Malik Maidin.
- Paradigma Melayu lemah dianjurkan kepada Melayu kuat seperti kejayaan seorang

wanita Datin Paduka Sharifah Mazlina dan dua orang pemuda pendaki gunung Everests, Muhamed Muqarabin dan Ahmad Reduan.

- Paradigma Melayu tidak tahu berniaga dianjurkan kepada usahawan hebat seperti beberapa orang jutawan Melayu yang ada tersenarai dan dikenali umum.
- Paradigma Melayu berpecah dianjurkan kepada Melayu bersatu, contohnya perpaduan ketika menentang Malayan Union dan kejayaan cemerlang Pilihan Raya 2004.

80. Dalam kata lain, perubahan paradigma Melayu adalah satu transformasi budaya untuk lebih memantapkan jati diri bangsa, bersiap menghadapi cabaran dan akan datang. Mengingati kata-kata seorang pakar strategi Cina pada zaman dahulu yang bernama Sun Tzu:

Kenalilah dirimu;
Ketahuilah musuhmu;
Maka,
Dalam seribu peperangan;
Terciptanya seribu kejayaan.
Saudara dan saudari para pimpinan dan perwakilan sekalian,

Tindakan Kelima: Memperkasakan Politik Melayu Global Berteraskan Idealisme Perjuangan

81. Pepatah ada menyatakan "Bercita-citalah setinggi langit, kerana jika tidak dapat mencapai langit, paling kurang dapat menggapai awan". Oleh itu, kita hendaklah bercita-cita tinggi untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara. Kita wajar sentiasa menyemarakkan api idealisme perjuangan mendokong amanah dengan penuh semangat patriotisme. Kita adalah pembawa obor perjuangan yang telah diwariskan demi agama, bangsa dan negara tercinta.

82. Dalam meniti arus perjuangan inilah, kita pastinya dihadapkan dengan pelbagai karenah dan percaturan politik. Sebijaknya, ia digarap dan difahami dengan penuh hikmah dan berstrategi. Sebagai contohnya, pemerhatian terhadap perubahan sokongan rakyat. Ia boleh dilihat melalui Teori Ladung Bandul (Pendulum Theory) mengenai keputusan empat pilihan raya.

83. Pada tahun 1990, peratusan undi popular BN hanyalah 53 peratus, (menghayun ke kiri disebabkan kewujudan Semangat 46). Tahun 1995 pula, peratusan undi popular meningkat ke angka 65 peratus (berhayun ke kanan apabila wujudnya kesatuan dalam parti). Manakala pada tahun 1999, undi popular merosot kepada 56 peratus dek kerana berlakunya perpecahan sekali lagi. Tahun 2004 pula, setelah perpaduan kembali menjelma, undi popular meningkat kembali ke angka 63 peratus.

84. Kalau dikaji, teori ini menjadi realiti pada tahun 1990 dan 1999 kerana telah berlaku perpecahan pimpinan peringkat tertinggi. Perpecahan pada tahun 1999 jelas berpunca daripada keretakan struktur dalam parti. Pengajaran yang mesti diambil ialah ramalan teori tahun 2008/9 pergerakan ladung ke kiri mesti kita nafikan.

85. Prasyarat tidak berulangnya perpecahan, ialah kesungguhan ikhtiar sesama ahli dan pimpinan, untuk terus memastikan:

perpaduan kukuh sesama ahli,

kerjasama ampuh pimpinan negeri,
kesetiaan teguh Majlis Tertinggi,

bertaut erat penuh kesefahaman,
antara Presiden dan juga Timbalan,
kekal mantap, selesa berkekalan.

86. Sehubungan dengan itulah, saya pernah menggariskan formula 6P untuk mendepani cabaran dalam perjuangan parti kita UMNO iaitu Parti, Perjuangan, Perpaduan, Peraturan, Persediaan dan Perkhidmatan. Melayu Glokal adalah mereka yang mesti juga cintakan parti, faham perjuangan, bersatu padu, mengikut peraturan, bersiap sedia dan sentiasa berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.

87. Pada hemat saya, dua P yang utama adalah Perjuangan dan Peraturan. Perjuangan sebenarnya menuntut kepada disiplin dalaman diri setiap ahli UMNO. Manakala peraturan parti adalah undang-undang tersurat untuk membentuk disiplin luaran kita semua. Sememangnya parti mempunyai tata etika untuk diamalkan oleh ahli. Perlembagaan pula menjadi peraturan parti yang tertinggi.

88. Seandai dan sekiranya matlamat perjuangan kita difahami dan dihayati dengan jelas, maka peraturan dan perlembagaan parti hanya sekadar menjadi pelengkap untuk memandu perjuangan. Masalahnya, apabila perjuangan sudah dikaburi oleh wang ringgit, kedudukan, pangkat dan kuasa semata-mata, peraturan dan perjalanan parti akan terganggu dan integriti kita pasti dipersoalkan. Inilah yang mustahak untuk diperbetulkan.

89. Sebagai parti yang menerajui kerajaan, apa yang berlaku dalam parti akan membawa kesan kepada kerajaan dan begitulah sebaliknya. Kata pepatah zaman bahari, cubit peha kanan, peha kiri terasa jua. Kalau ditepuk air di dulang, terpercik juga air ke muka.

90. Makanya, kerajaan sudah memulakan usaha memantapkan integriti dan wibawa melalui Pelan Integriti Nasional dan tertubuhnya Institut Integriti Malaysia, yang dipelopori oleh YAB Perdana Menteri. Kerana itulah saya mengajak, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO bersama saya untuk menyokong sepenuhnya segala usaha YAB Presiden membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa, sama ada dalam kerajaan, parti atau swasta.

91. Kita akan terus memerangi rasuah politik tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Dengan cara ini sahajalah, maruah parti akan terus terpelihara, untuk kita wariskan kepada generasi hari muka. Malah, inilah antara perjuangan besar kita demi mengangkat dan memelihara martabat UMNO yang tercinta.

92. Perjuangan ini seharusnya disambut oleh setiap ahli parti. Dibimbangi jika kita lemah, maka pengganti kita kelak akan menjadi lebih lemah, dalam satu putaran ganas yang tiada kesudahannya. Generasi muda berhak menerima pedoman untuk membuat perkara yang betul dan tidak dipengaruhi dengan kesilapan generasi sekarang.

93. Tambahan pula, keluhuran terhadap perlembagaan dan peraturan parti, adalah ikrar yang sepatutnya mengisi salam akrab perjuangan suci kita. Bukannya dicemari seperti cerita bersalam ketika pertandingan – jika 'salam isi' (SI) maka calon dilayan tetapi jika 'salam kosong' (SK) maka calon diucapkan wassalam. Undi pun melayang.

94. Kita kuburkanlah tabiat buruk ini tanpa sebarang tanda dan nesan. Jangan dibudayakan fe'el keji dalam parti mulia ini. Berazamlah dengan penuh iltizam, supaya pemilihan parti yang akan datang, pada semua peringkat pertandingan, menjadi pemilihan paling bersih dalam sejarah parti keramat ini.

Saudara dan saudari sidang perwakilan yang dihormati,

95. Demi melaksanakan lima tindakan menjana Melayu Glokal yang telah saya perincikan tadi, maka digariskan amanah perjuangan, untuk kita bersama jayakan, iaitu membina personaliti unggul dan membawa obor perjuangan bangsa.

Amanah Perjuangan Membina Personaliti Unggul

96. YAB Presiden telah menyarankan agar ahli UMNO perlu menjadi motivator dan penggerak bangsa. Sebagai asas kepada penggerak bangsa, pengamalan nilai-nilai murni adalah penting dalam membina personaliti unggul. Melayu Glokal hendaklah mempunyai personaliti unggul. Personaliti ini tidak kiralah sama ada lelaki atau wanita, putera atau puteri.

97. Bersesuaian dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Ahzab ayat 35, digariskan antara pelbagai ciri yang menjadi teras kepada personaliti unggul hamba yang diredhai-Nya.

Maksud firman tersebut :

Bismillahirrahmanirrahim

" Sesungguhnya lelaki dan wanita yang muslim, lelaki dan wanita yang mukmin, lelaki dan wanita yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan wanita yang benar, lelaki dan wanita yang sabar, lelaki dan wanita yang khusyuk, lelaki dan wanita yang bersedekah, lelaki dan wanita yang berpuasa, lelaki dan wanita yang memelihara kehormatannya, lelaki dan wanita yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar".

98. Dalam hal kepimpinan pula, Nabi Muhammad S.A.W. telah bersabda seperti hadis riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah yang bermaksud :

"Sesiapa yang menjalankan pemerintahan mengenai urusan umat Islam tanpa menghiraukan kemiskinan, keperluan, kefakiran dan hajat mereka nescaya Allah akan membiarkannya pada hari kiamat, tanpa menghiraukan kemiskinannya, keperluannya, hajat dan kefakirannya".

99. Mengambil iktibar daripada ayat tersebut, kita hendaklah sentiasa memperbaiki sahsiah diri sebagai hamba Allah di muka bumi. Bertepatan dengan mafhum hadis itu pula, beringatlah bahawa personaliti pemimpin, pembuat dasar dan pelaksanaannya sentiasa diperhatikan oleh rakyat.

100. Mereka meneliti melalui pelbagai saluran media dan program, sama ada kita cakup serupa bikin atau adakah kita bikin serupa yang dicakapkan. Neraca rakyat akan sentiasa memerhati jika ada kelemahan pelaksanaan dan penguatkuasaan, serta penyelewengan apatah lagi penyalahgunaan kuasa. Sememangnya, penghormatan terhadap parti dan kewibawaan kerajaan pada neraca rakyat bergantung kepada keunggulan personaliti, akhlak dan perilaku para pemimpin parti, yang menjadi tonggak pemerintahan.

101. Cabaran terhadap keunggulan kita ialah apa akan berlaku setelah kita tidak mempunyai kuasa? Setelah kita tidak menjadi wakil rakyat atau Ketua Pemuda atau Ketua Wanita atau Ketua Puteri, di cawangan, di bahagian, di negeri atau di pusat. Adakah pada ketika itu orang masih hormat dan ingat kepada kita? Adakah kita ini tergolong sebagai pemimpin yang digeruni atau disegani? Jika kita digeruni, ketaatan pengikut adalah sementara. Jika kita disegani, kasih pengikut kekal sepanjang masa.

102. Sewaktu kita mempunyai sedikit kuasa, gunakanlah kuasa itu untuk menolong orang, membantu yang susah dan memerlukan khidmat kita. Layanlah rakyat dengan mesra dan adil tanpa pilih kasih. Pemimpin yang unggul personalitinya akan mengambil berat tentang masalah semua. Selalulah turun berjumpa rakyat. Insya-Allah pimpinan kita akan mendapat berkat. Hulurkanlah khidmat sedayanya, berjuanglah secara ikhlas, Insya-Allah jika tidak di dunia, di akhirat nanti mendapat balas.

Sidang perwakilan yang dihormati sekalian,

Amanah Membawa Obor Perjuangan Bangsa

103. Dalam membawa obor perjuangan, kita perlu mengutamakan parti terlebih dahulu daripada diri sendiri. Yang penting ialah parti, individu tidak sepenting parti. Pemimpin silih berganti namun parti tetap diteruskan dan perjuangan tetap dimantapkan.

Ingatlah, renunglah pesanan pemimpin terdahulu: Jagalah Parti ', 'Jagalah UMNO '. Dua perkataan ringkas yang besar maknanya. Letakkanlah kepentingan parti di hadapan dalam melaksanakan amanah agama, bangsa dan negara.

104. Kita semua harus bersyukur bahawa bangsa Melayu adalah anak watan peribumi Malaysia dan tonggak pendokong agama Islam di negara ini. Kita adalah pembawa obor perjuangan bangsa. Kita merupakan paksi kekuatan politik yang sentiasa berjuang sejak sebelum merdeka, dan mengisi kemerdekaan negara tercinta sehingga pada saat ini.

105. Kita mesti sentiasa membela, memperjuang, mengembang serta terus menjadi contoh pengamal Islam dalam dan di persada dunia. Untuk itu, kita wajar memikul amanah bangsa dengan penuh hikmah dan berjuang dengan tekad penuh kudrat. Marilah kita bersama membuat lonjakan berganda demi menjana Melayu Global yang bermaruah di arena negara dan bermartabat di persada dunia.

106. Sebagai mengakhiri ucapan, marilah kita merenungi sajak ini yang saya beri tajuk "OBOR PERJUANGAN BANGSA"

Betapa perjuangan merdeka itu umpama
Ledakan badai gelombang tsunami.

Betapa perjalanan suci mengisinya
Bak setenang air tasik Putrajaya.

Kita pembawa obor perjuangan bangsa
Nyalakan apinya seterang mungkin
Bagi menyuluh haluan perjalanan
Demi generasi yang mendatang.

Hari ini jalan ini semakin berliku
Namun, dokonglah amanah ini, demi
Menjana Agenda Bangsa.
Kerana,

Jika tidak kita, siapa?
Jika tidak kini, bila?
Jika tidak di sini, di mana?
Ayuh, pembawa obor perjuangan bangsa:
Junjung agama mu!
Teguhkan bangsa mu!
Julang negara mu!

Bersama gagasan membina insan
Bersungguh kita menempa sejarah
Bersandar warisan, menuju wawasan
Gemilang bangsa, terbilang ummah.

107. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh rasa tawadhuk merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri Tahun 2005 dengan ucapan selamat bersidang. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.